



## BAHAGIAN BEKALAN AIR KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI

### KENYATAAN TENDER

Pelawaan ini adalah terbuka kepada firma perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang seperti di bawah dan WAJIB menghadiri taklimat tender untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut :-

No. Rujukan	Butir-butir Pelawaan	Kod Bidang	Tarikh Tutup (12.00 tengahari)	Syarat Utama Pelawaan
BBA/(PP)/08/2019	PERKHIDMATAN PERUNDING - PROGRAM NON-REVENUE WATER (NRW) NASIONAL PENDEKATAN 1 NEGERI KELANTAN	330101 (Kejuruteraan Awam)	10HB SEPTEMBER 2019	Perunding perlu memastikan syarat-syarat berikut dipenuhi bagi membolehkan pembelian Dokumen Pelawaan. 1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan berdaftar di bawah kod bidang yang ditetapkan dan tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan masih sah. 2. <b>WAJIB*</b> menghadiri taklimat tender seperti berikut :-  Tarikh : 20 OGOS 2019 (SELASA) Masa : 10.00 PAGI Tempat : BILIK MESYUARAT, ARAS 4 BAHAGIAN BEKALAN AIR BLOK E4/5, PARCEL E, PRESINT 1 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 62668 PUTRAJAYA

\* Hanya penama di Sijil Akuan Pendaftaran Firma Perunding, Kementerian Kewangan sahaja yang boleh menghadiri taklimat tender. Syarikat tidak boleh mewakili penama selain daripada penama dalam Akuan Pendaftaran Firma Perunding tersebut;

\* SIJIL ASAL dan satu (1) salinan wajib dibawa semasa taklimat tender (salinan sijil tidak akan dikembalikan) seperti berikut :

- i. Sijil Akuan Pendaftaran Firma Perunding, Kementerian Kewangan
- ii. Kad Pengenalan
- iii. Cop Syarikat

Syarat-syarat, Arahan dan Maklumat Lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Pelawaan dan boleh didapatkan daripada kaunter/pejabat Agensi di Bahagian Bekalan Air, Aras 1, Blok E4/5, Parcel E, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62668 Putrajaya bermula pada 20 OGOS 2019 hingga 27 OGOS 2019. Dokumen Pelawaan ada dijual dengan kadar RM50 bagi setiap satu (1) set. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank** atau **Kiriman Wang** atas nama **Pengarah, Bahagian Bekalan Air**.

Tempat serahan dokumen adalah di alamat yang sama.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan ditandakan "Cadangan Teknikal" dan "Cadangan Kos" di sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan dan dialamatkan kepada :

PENGARAH  
BAHAGIAN BEKALAN AIR  
KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI  
ARAS 1, BLOK E4/5, PARCEL E, PRESINT 1  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62668 PUTRAJAYA

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di Bahagian Bekalan Air seperti alamat di atas tidak lewat daripada jam 12.00 TENGAH HARI pada 10 SEPTEMBER 2019. Dokumen Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.